

GSSP

GERAN SOKONGAN SEKTOR PELANCONGAN

Geran Sokongan Sektor Pelancongan (GSSP) bertujuan untuk memberi fokus ke atas penganjuran program/acara pelancongan oleh pihak swasta, pemain serta penggiat industri.

TUJUAN

- Menyemarak dan mengaktifkan semula sektor pelancongan.
- Memastikan industri pelancongan terus berdaya saing dengan memberi sokongan dan bantuan.

SYARAT PERMOHONAN

KATEGORI:

- Syarikat & Organisasi Swasta tempatan (**bukan Agensi Pelancongan**)
- Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
- Anak syarikat Kerajaan Negeri
- Persatuan/Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan

KELAYAKAN:

- Mempunyai pendaftaran yang sah (**SSM/Akta Pertubuhan etc.**)
- Beroperasi sekurang-kurangnya enam (6) bulan

PERMOHONAN DIBUKA

2 MEI 2024

SILING PERUNTUKAN:

DOMESTIK
RM 500,000 MAKSIMA



ANTARABANGSA
RM 1 JUTA MAKSIMA



SKOP PERMOHONAN

- Dianjurkan di Malaysia.
- Memiliki elemen tarikan penyertaan dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Sabah & Sarawak.
- Menjana pergerakan pelancongan domestik dan pelancong asing.
- Meransang dan memberikan faedah kepada industri pelancongan.

PENGANJURAN YANG DIBENARKAN

- **Program/Acara Pelancongan** yang mempunyai elemen penyertaan dari negeri-negeri di Malaysia.
- **Festival/Karnival Pelancongan** yang mempunyai elemen penyertaan dari negeri-negeri dalam Malaysia.
- **Pameran Pelancongan (Travel Fair)** berasaskan Business to Consumer (B2C)
- **Program/Acara Minat Khas (Niche)** yang menyuntik elemen pelancongan dan mampu menarik penyertaan dari dalam luar negara.


PENGANJURAN TIDAK DIBENARKAN

- **Mempromosikan produk SAHAJA.**
- **Familiarisation Trip (FAMTRIP)**
- **Penerbitan video / dokumentari/bahan promosi** berbentuk video atau seumpamanya
- **Pembangunan** aplikasi/kandungan/laman web
- **Seminar/Bengkel/Mesyuarat/Konvensyen/Persidangan/Insentif**
- **Program berunsur politik/keagamaan/** melibatkan sensitiviti masyarakat/kaum.


Dokumen asal perlu dihantar ke:

Urus Setia
Geran Sokongan Sektor Pelancongan (GSSP)
Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia
(Tourism Malaysia),
Bahagian Perancangan Strategik,
Aras 2, No.2, Menara 1,
Jalan P5/6, Presint 5,
62200 Putrajaya.

PERMOHONAN HENDAKLAH DIKEMUKAKAN:

 gssp@tourism.gov.my

UNTUK PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

 03-88918191 / 8163 / 8232



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



GARIS PANDUAN

GERAN SOKONGAN SEKTOR PELANCONGAN (GSSP)

2024

**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(LPPM)**

Dikemaskini pada 4 Januari 2024

(Rujukan : MOF.NBO.600-9/1/135 bertarikh 8 Dis 2023)

KANDUNGAN

MUKA SURAT

1. FUNGSI LPPM	3
2. LATAR BELAKANG	4
3. TUJUAN / OBJEKTIF	4
4. PASARAN SASARAN	5
5. SKOP PERMOHONAN	5
6. SILING PERUNTUKAN	5 – 6
7. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	6 – 7
8. PENGANJURAN YANG DIBENARKAN	7
9. PENGANJURAN YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN	7 – 8
10. ELEMEN PENGANJURAN	8
11. KERTAS CADANGAN	8 – 10
12. PERMOHONAN TIDAK DIPERTIMBANGKAN	10 – 11
13. PERJANJIAN BERTULIS	11
14. TANGGUNGJAWAB PEMOHON	11 – 12
15. TUNTUTAN, DOKUMEN & PEMBAYARAN	12 – 13

1. FUNGSI LPPM (AKTA 481)

1.1 Perenggan 4(1)(a), (b) dan (c), Bahagian II, Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481),

"4. (1) Fungsi-fungsi Lembaga ialah:

- (a) *menggiatkan dan menggalakkan pelancongan ke dan dalam Malaysia;*
- (b) *merangsangkan, memajukan dan memasarkan, di arena antarabangsa dan tempatan, negara Malaysia sebagai tempat tujuan pelancong;*
- (c) *menyelaraskan apa-apa aktiviti pemasaran atau penggalakan berhubung dengan pelancongan yang dijalankan oleh mana-mana jabatan kerajaan, atau agensi atau organisasi kerajaan atau bukan kerajaan."*

1.2 Perenggan 4(2)(b) dan (d), Bahagian II, Akta Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia 1992 (Akta 481),

"4. (2) Lembaga adalah berkuasa melakukan segala perkara yang suaimanfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut di atas:

- (b) *bekerjasama dengan atau bertindak sebagai ejen, atau bertindak dengan apa-apa cara lain bersama dengan atau bagi pihak mana-mana agensi atau organisasi, sama ada antarabangsa atau selainnya;*
- (d) *mengalakkan dan menyelaraskan perjalanan apa-apa aktiviti yang berkaitan atau berhubungan dengan fungsi-fungsinya oleh mana-mana jabatan kerajaan, atau agensi atau organisasi kerajaan atau bukan Kerajaan."*

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 **Geran Sokongan Sektor Pelancongan (GSSP)** bertujuan untuk memberi fokus ke atas **penganjuran program/acara pelancongan** oleh pihak swasta, pemain serta penggiat industri.
- 2.2 **Medium peruntukan GSSP** adalah secara tuntutan bayaran semula (*reimbursement*).
- 2.3 Sejumlah amaun yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia akan digunakan untuk penganjuran program/ acara oleh pihak swasta, pemain serta penggiat industri di bawah GSSP sepanjang tahun semasa.

3. TUJUAN / OBJEKTIF

- 3.1 **Menyemarak dan mengaktifkan** semula sektor **pelancongan**.
- 3.2 **Memastikan industri pelancongan terus berdaya saing dengan memberi sokongan dan bantuan (insentif)** kepada pihak swasta, pemain serta penggiat industri untuk mempromosi dan meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terunggul di dunia.

4. PASARAN SASARAN

4.1 Bertaraf Domestik

Program/acara **berimpak tinggi** yang diadakan dalam negara dan melibatkan penyertaan dari negeri-negeri.

4.2 Bertaraf Antarabangsa

Program/acara **berimpak tinggi** yang diadakan dalam negara yang melibatkan:

4.2.1 Penyertaan peserta dari luar negara sebanyak 20% atau lebih; dan

4.2.2 Penyertaan peserta dari 5 negara asing atau lebih.

5. SKOP PERMOHONAN

5.1 Dianjurkan di Malaysia;

5.2 Mempunyai elemen tarikan penyertaan dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan Sabah & Sarawak;

5.3 Menjana pergerakan pelancongan domestik dan pelancong asing; dan

5.4 Merangsang dan memberikan faedah kepada industri pelancongan secara keseluruhan.

6. SILING PERUNTUKAN

6.1 Program/Acara **Domestik** - **SILING MAKSIMUM** adalah sehingga **RM500,000.00** (RINGGIT MALAYSIA: LIMA RATAS RIBU SAHAJA).

6.2 Program/Acara bertaraf **Antarabangsa** - **SILING MAKSIMUM** adalah sehingga **RM1,000,000.00** (RINGGIT MALAYSIA: SATU JUTA SAHAJA).

6.3 Siling peruntukan adalah untuk **PENGANJURAN PROGRAM/ACARA SEPANJANG TAHUN SEMASA (2024)**.

6.4 Penganjur dibenarkan memohon sehingga tiga (3) bilangan program/acara sahaja pada tahun semasa (2024), tetapi setiap permohonan **HENDAKLAH MEMPUNYAI KONSEP YANG BERBEZA**.

7. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

7.1 KATEGORI PEMOHON

- (a) Syarikat dan Organisasi Swasta Tempatan (Bukan Berstatus Ejen Pelancongan);
- (b) Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);
- (c) Anak Syarikat di bawah Kerajaan Negeri; dan
- (d) Persatuan/Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Tempatan.

7.2 KELAYAKAN PEMOHON

- (a) Pemohon perlu mempunyai pendaftaran yang sah dan hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen bukti pendaftaran/pengesahan seperti berikut:

(i) Syarikat dan Organisasi Swasta Tempatan

Dokumen mengenai maklumat pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti:

- *Corporate Information;*
- *Summary of Share Capital;*
- *Directors/Officers;*
- *Shareholder/Members;*
- *Company Charges;*
- *Summary of Financial Information;* dan
- Laporan Penyata Kewangan Terkini ATAU '*Management Account*' bagi yang beroperasi enam (6) bulan.

(ii) Persatuan/Pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) Tempatan

- Borang 3, Akta Pertubuhan 1966; dan
- Borang Pendaftaran Badan Sukan yang berkaitan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 (untuk persatuan yang berkaitan).

8. PENGANJURAN YANG DIBENARKAN

- 8.1 **Program/Acara Pelancongan** yang mempunyai elemen penyertaan dari negeri-negeri di Malaysia;
- 8.2 **Festival/Karnival Pelancongan** yang mempunyai elemen penyertaan dari negeri-negeri dalam Malaysia;
- 8.3 **Pameran Pelancongan** (*Travel Fair*) berasaskan *Business to Consumer* (B2C);
- 8.4 **Program/Acara Minat Khas (*Niche*)** yang menyuntik elemen pelancongan dan mampu menarik penyertaan dari dalam dan luar negara; dan
- 8.5 **Penganjuran program/acara bersiri** – maksimum 3 siri dan tuntutan dibenarkan hanya setelah siri terakhir diselesaikan.

9. PENGANJURAN YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN

- 9.1 **Mempromosikan produk SAHAJA** tanpa ada program/acara yang dianjurkan;
- 9.2 ***Familiarisation Trip (FAMTRIP)***;
- 9.3 **Penerbitan video/dokumentari/bahan promosi** berbentuk video atau seumpamanya;
- 9.4 **Pembangunan** aplikasi/kandungan/laman web;
- 9.5 **Bengkel/mesyuarat/konvensyen/seminar/persidangan/insentif**; dan

9.6 Program berunsur politik/keagamaan/melibatkan sensitiviti masyarakat/kaum.

10. ELEMEN PENGANJURAN

10.1 Promosi/Publisiti/Pengiklanan di Media Massa termasuk medium cetak, elektronik, platform digital serta saluran media sosial;

10.2 Penerbitan/Cetakan bahan-bahan sokongan promosi seperti *banner, bunting*, buku cenderahati, baju, topi dan sebagainya; dan

10.3 Mempromosi Lokasi Program/Acara tersebut sebagai destinasi/tarikan pelancongan domestik.

10.4 Elemen publisiti dan promosi perlu dilaksanakan bagi memberikan impak kepada program/acara. Bagi program:

- Bertaraf domestik – 15% elemen publisiti dan promosi
- Bertaraf antarabangsa – 30% elemen publisiti dan promosi.

11. KERTAS CADANGAN

11.1 Setiap permohonan hendaklah dihantar kepada Urus Setia melalui surat rasmi Syarikat/Organisasi/Persatuan/Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang diwakili berserta butiran maklumat mengikut format berikut:

- **Tajuk** Program/Acara
- **Latar Belakang** Program/Acara
- **Objektif** Program/Acara
- **Komponen** acara seperti:
 - Cadangan tarikh
 - Cadangan tempat
- **Kumpulan sasaran** seperti:
 - **Domestik**:
 - Jumlah peserta
 - Jumlah pengunjung

- **Antarabangsa:**
 - Jumlah peserta (20% penyertaan luar)
 - Jumlah pengunjung

*Nota: Bagi program bertaraf Antarabangsa, penalti akan dikenakan, sekiranya jumlah peserta tidak menepati sasaran 20% seperti yang disyaratkan)

- **Kaedah Pelaksanaan Program/Acara**
 - Promosi/Publisiti/Pengiklanan
 - Perincian Perbelanjaan (perlu jelas)
 - *Return of Investment (ROI)* (jelas dan "*quantified*")
 - Senarai terimaan bantuan/penajaan dari pihak lain (jika ada).

11.2 Kertas cadangan hendaklah dikemukakan di dalam Bahasa Melayu **ATAU** Bahasa Inggeris.

11.3 Bagi penganjuran program/acara sukan, penganjur hendaklah mendapatkan surat kelulusan/pengiktirafan/pengesahan dari Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

11.4 Penganjur perlu mengemukakan pengesahan tempahan lokasi dan pengesahan/kelulusan dari PBT atau pihak berkuasa yang berkaitan bagi menganjurkan program yang dimohon.

11.5 Bagi kertas cadangan yang lengkap, penganjur akan dihubungi untuk tujuan pembentangan kepada Jawatankuasa Panel Penilai Awal (JKPPA) sebelum dibawa ke peringkat Jawatankuasa Pihak Berkuasa Melulus (JKPBM).

11.6 Keputusan adalah MUKTAMAD dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

11.7 Tempoh pelaksanaan program/acara yang diluluskan adalah sehingga **31 Disember 2024** dan sebarang pelanjutan tempoh pelaksanaan selepas tarikh tersebut adalah **TIDAK DIBENARKAN.**

11.8 Tarikh akhir penerimaan permohonan berserta kertas cadangan dan **tempoh pemprosesan** adalah seperti berikut:

JENIS PERMOHONAN	TEMPOH TERIMAAN PERMOHONAN LENGKAP SEBELUM PENGANJURAN PROGRAM/ACARA
<u>PROGRAM/ACARA DOMESTIK</u> Siling Maksimum RM500,000.00	30 hari
<u>PROGRAM/ACARA BERTARAF ANTARABANGSA</u> Siling Maksimum RM1,000,000.00	30 hari

11.9 Jawatankuasa berhak menentukan ciri dan aspek yang ingin disokong/diluluskan di dalam kertas cadangan mengikut kadar penilaian sewajarnya dan tidak tertakluk kepada keseluruhan penganjuran program/acara SAHAJA.

12. PERMOHONAN TIDAK DIPERTIMBANGKAN

- 12.1 Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan;
- 12.2 Tidak berdaftar dengan mana-mana Pendaftar yang diiktiraf atau mana-mana badan Kerajaan yang diberi kuasa melalui undang-undang negara;
- 12.3 Pertubuhan politik dan keagamaan;
- 12.4 Individu/orang perseorangan;
- 12.5 Mana-mana entiti yang telah disenaraihitamkan oleh pihak Kerajaan;

- 12.6 Permohonan yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di dalam Garis Panduan dan tidak memenuhi tempoh terimaan permohonan (60 hari) yang telah ditentukan oleh LPPM;
- 12.7 Permohonan yang telah menerima peruntukan/bantuan kewangan daripada MOTAC atau agensi-agensi di bawah MOTAC;
- 12.8 Permohonan yang menerima peruntukan/bantuan kewangan/penajaan dari mana-mana Kerajaan Persekutuan dan agensi/syarikat dibawahnya.
- 12.9 Permohonan bagi penganjuran program/acara yang **SEDANG BERLANGSUNG** atau **TELAH TAMAT.**

13. PERJANJIAN BERTULIS

- 13.1 Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PK4.2) bagi kelulusan penganjuran program/acara berjumlah sehingga RM500,000.00, LPPM akan mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) kepada pihak penganjur berserta syarat dan terma yang dipersetujui bersama.
- 13.2 Bagi kelulusan penganjuran program / acara berjumlah di antara RM501,000.00 sehingga RM1,000,000.00, satu Perjanjian Kerjasama akan dimeterai oleh kedua pihak beserta syarat dan terma yang dipersetujui bersama.
- 13.3 **Surat Setuju Terima (SST) dan Perjanjian Kerjasama yang telah ditandatangani adalah MUKTAMAD dan sebarang perubahan pada syarat dan terma termasuk tarikh, lokasi dan konsep program/acara tanpa alasan yang munasabah adalah TIDAK DIBENARKAN.**

14. TANGGUNGJAWAB PEMOHON

14.1 SEMASA PROGRAM/ACARA BERLANGSUNG

- (a) **Pemohon hendaklah** memastikan pelaksanaan dan penganjuran program/acara mengikut syarat-syarat dan terma yang telah dipersetujui bersama;
- (b) **Pemohon hendaklah** sentiasa membudayakan norma baharu dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Kerajaan sebagai memperkasa usaha memerangi penularan wabak COVID-19; dan
- (c) **Pemohon hendaklah** memastikan tidak berlaku penyalahgunaan dalam apa jua bentuk, selain dari tujuan asal permohonan.

14.2 SELEPAS PROGRAM/ACARA BERLANGSUNG

- (a) **Pemohon hendaklah** mengemukakan laporan komprehensif bergambar berserta laporan perincian perbelanjaan selepas program/acara selesai merujuk kepada syarat dan terma yang dipersetujui bersama di dalam SST;
- (b) **Pemohon hendaklah** memastikan penganjuran program/acara memenuhi kualiti dan jangkauan LPPM termasuk mencapai ROI yang dikehendaki; dan
- (c) **Pemohon hendaklah** melaporkan *ratio/survey* program/acara (sekiranya perlu).

15. TUNTUTAN, DOKUMEN & PEMBAYARAN

15.1 Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen berikut untuk tujuan tuntutan pembayaran:

- (a) Surat Tuntutan Pembayaran (ditandatangani berserta cop rasmi syarikat/persatuan);

- (b) Invois Tuntutan Pembayaran (ditandatangani berserta cop rasmi syarikat/persatuan);
- (c) Salinan Surat Setuju Terima (SST) dan Surat Akuan Terima yang ditandatangani berserta syarat dan terma yang dipersetujui bersama;
- (d) Surat Kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/PDRM (yang berkaitan) khusus untuk tujuan penganjuran program/acara mengikut SOP yang sedang berkuat kuasa;
- (e) Surat kelulusan dari Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi penganjuran program/acara minat khas (*niche*) (sekiranya berkaitan);
- (f) Laporan Komprehensif Bergambar berserta bukti-bukti pelaksanaan promosi/publisiti/pengiklanan termasuk timbal balas (*deliverables*) yang dipersetujui bersama di dalam SST; dan
- (g) Laporan Perincian Perbelanjaan berserta dokumen sokongan pembayaran (invois dan resit/penyata bank) sebagai bukti penganjuran program/acara telah dilaksanakan dengan jayanya.

Permohonan lengkap hendaklah dikemukakan secara '*hard copy*' kepada:

URUS SETIA

**GERAN SOKONGAN SEKTOR PELANCONGAN (GSSP)
LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK
ARAS 2, NO. 2, MENARA 1
JALAN P5/6, PRESINT 5
62200 PUTRAJAYA**

dan e-mel salinan kepada: gssp@tourism.gov.my

**TALIAN UNTUK DIHUBUNGI:
03-8891 8163 / 8191 / 8232**



GERAN SOKONGAN SEKTOR PELANCONGAN (GSSP) 2024

*No Rujukan Urusetia	TOURISM.400-4/4/7 []
*Tarikh Terimaan Permohonan	

*Untuk diisi oleh Urusetia

A. MAKLUMAT PEMOHON

Nama Syarikat / NGO	
Alamat	
No. Pendaftaran Syarikat & Tarikh Pendaftaran Syarikat / NGO	
No. Daftar Cukai	
Nama Pemohon & Jawatan di dalam Syarikat / NGO	
No. Tel Pejabat & No. Tel Bimbit	
Emel	

B. MAKLUMAT PROGRAM / ACARA

Nama Program / Acara	
Tarikh & Lokasi Penganjuran	
Kos Penganjuran (RM)	
Kos Dimohon (RM)	
Ringkasan Program / Acara <i>(boleh dilampirkan berasingan sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi)</i>	
Peringkat Program	Domestik / Antarabangsa
ROI / Faedah (dalam nilai RM)	

*Kertas Cadangan perlu lengkap dan dikepilkan bersama dokumen pendaftaran syarikat/persatuan yang sah serta lain-lain dokumen seperti dinyatakan di dalam garis panduan GSSP 2024.

Bilangan Peserta / Pengunjung	Bilangan Peserta : i) Domestik : ii) Antarabangsa : Nyatakan Negara (min 5) : Bilangan Pengunjung : i) Domestik : ii) Antarabangsa :
Promosi / Publisiti / Pengiklanan	Sila nyatakan saluran / medium yang digunakan:
Jumlah Nilai Publisiti (RM)	
Senarai Bantuan Pihak Lain (Jika Ada)	
Adakah acara/program ini pernah menerima GSSP sebelum ini?	Ya <input type="checkbox"/> Tahun: _____ Jumlah: _____ Tidak <input type="checkbox"/> Jika ya, sila nyatakan elemen penambahbaikan berbanding acara sebelum ini: _____

C. PERAKUAN PERMOHON

Saya dengan ini mengesahkan bahawa: Semua maklumat dan keterangan yang diberikan di atas adalah benar dan akur dengan sebarang keputusan dari Tourism Malaysia

Cop Syarikat & Tandatangan:

()

D. *UNTUK DIISI OLEH URUSETIA*

*Syor Dana Untuk Disokong	RM _____
*Ulasan :	
*Nama Panel : _____	*Organisasi / Bahagian : _____
*Tandatangan : _____	*Tarikh : _____


SENARAI SEMAK GERAN SOKONGAN SEKTOR PELANCONGAN 2024

NAMA SYARIKAT : _____

PROGRAM : _____

BIL	PERKARA	TINDAKAN	CATATAN
1.	BORANG PERMOHONAN GSSP 2024		
2.	KERTAS CADANGAN PROGRAM (Microsoft Powerpoint)		
	i. Tajuk/Acara Program, Tarikh dan Lokasi penganjuran		
	ii. Objektif Program		
	iii. Aturcara / Itinerari program/Acara		
	iv. Peserta : Domestik / Antarabangsa, Jumlah Peserta, Jumlah Negara		
	v. Artis : Domestik / Antarabangsa, Jumlah Pengikut Di Media Sosial		
	vi. Sasaran Pengunjung : Domestik Dan Antarabangsa		
	Vii. Kaedah Promosi/Publisiti/Pengiklanan		
	Viii. Perincian Perbelanjaan		
	Ix. Perincian Pendapatan Dari Pengajuran Program		
	X. Return Of Investment (Roi) (Jelas Dan 'Quantifies') Dalam Rm		
3.	Dokumen Pengesahan Syarikat / Organisasi Swasta / Persatuan Bukan Kerajaan (Ngo) Tempatan		
	i. Pendaftaran Syarikat (Ssm) / Persatuan		
	ii. Profil Syarikat / Persatuan		
	iii. Borang 3, Akta Pertubuhan 1966		
	iv. Borang Pendaftaran Badan Sukan / Yang Berkaitan Di Bawah Akta Pembangunan Sukan 1997		
4.	Person In Charge Dan No.Tel/HP		

Sila pastikan sesalinan kertas Cadangan program di emelkan kepada gssp@tourism.gov.my



FREQUENTLY ASKED QUESTIONS

GERAN SOKONGAN SEKTOR PELANCONGAN (GSSP) 2024

LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA (TOURISM MALAYSIA)



Soalan: Pihak kami akan menganjurkan acara pelancongan, perlukah mendapat kelulusan GSSP sebelum pelaksanaan program?

Jawapan: GSSP tidak memberikan apa-apa kelulusan untuk melaksanakan program. Kelulusan pelaksanaan program adalah di bawah pihak berkuasa seperti PUSPAL, Pihak Berkuasa Tempatan, PDRM dan lain-lain.



Soalan: Pihak kami memerlukan sebanyak amaun untuk menganjurkan program ini, bolehkah GSSP membiayai program kami?

Jawapan: GSSP adalah geran inisiatif yang disediakan oleh pihak Kerajaan untuk menyokong penganjuran program-program pelancongan yang memberikan impak kepada sosio-ekonomi negara. Amaun yang diluluskan di bawah GSSP ini adalah bersifat sokongan dan bukannya pembiayaan.



Soalan: Apakah kaedah/ medium peruntukan Geran Sepadan Sektor Pelancongan (GSSP) 2024?

Jawapan: Format peruntukan GSSP adalah secara tuntutan bayaran semula (reimbursement). Tuntutan bayaran semula hanya boleh dibuat selepas program / acara tamat dan selesai sepenuhnya dengan mengemukakan laporan akhir beserta timbalbalas (deliverables) mengikut syarat dan terma yang dipersetujui bersama di dalam Surat Setuju Terima (SST) atau Perjanjian Kerjasama.



Soalan: Apakah tarikh akhir dan tempoh pemprosesan permohonan GSSP 2024?

Jawapan: Tempoh permohonan adalah bermula dari 2 Mei hingga 30 November 2024 (bergantung kepada baki GSSP tahun semasa) manakala pelaksanaan program / acara yang diluluskan bermula 1 Jun hingga 31 Disember 2024.



Soalan: Apakah tasiran 'BERTARAF DOMESTIK' & 'BERTARAF ANTARABANGSA' ?

Jawapan: DOMESTIK - Program yang mempunyai impak tinggi yang diadakan di dalam negara tetapi hanya melibatkan penyertaan dari negeri-negeri di Malaysia sahaja.

ANTARABANGSA - Program yang mempunyai impak tinggi yang diadakan di dalam negara dan melibatkan penyertaan dari negara luar sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah keseluruhan penyertaan; dan terdiri dari 5 negara asing atau lebih.

Nota : Kegagalan dalam mengemukakan timbal balas dan sebarang perubahan tanpa persetujuan/pengesahan kedua-dua pihak, Tourism Malaysia berhak membatalkan perjanjian ini serta merta dengan memberi notis **pembatalan** bertulis. Tuntutan atau rayuan selepas pembatalan tidak akan dipertimbangkan oleh Tourism Malaysia.



Soalan: Sekiranya telah menerima peruntukan/ bantuan kewangan/ penajaan dari mana-mana pihak, adakah permohonan GSSP2024 tidak layak dipertimbangkan/ ditolak?

Jawapan: Penganjur bertanggungjawab untuk memaklumkan sekiranya telah menerima mana-mana bantuan kewangan daripada mana-mana Kementerian dan agensi di bawahnya.

Nota : Tourism Malaysia berhak untuk membatalkan kelulusan GSSP sekiranya di dapati penganjur gagal dalam memaklumkan perkara ini.



Soalan: Bolehkah kelulusan yang diberikan di subkontrak kepada Syarikat lain?

Jawapan: Pemohon hendaklah bertanggungjawab dalam memastikan dokumen tuntutan GSSP2024 yang dikemukakan kepada Urusetia adalah di bawah nama pemohon yang sama. Sekiranya di dapati terdapatnya elemen pemalsuan atau subkontrak, Tourism Malaysia berhak untuk membatalkan kelulusan yang diberikan dan pembayaran tidak akan dilaksanakan.



Soalan: Bolehkah kami menggunakan logo Tourism Malaysia?

Jawapan: Semua program dan acara yang mendapat kelulusan sokongan melalui GSSP ini hendaklah memberikan penghargaan bahawa program dan acara berkenaan adalah disokong oleh Tourism Malaysia melalui penggunaan Logo Tourism Malaysia dan Logo Malaysia Truly Asia atau Cuti-Cuti Malaysia.

Penggunaan logo tanpa kebenaran adalah tidak dibenarkan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang.